
Ekopelancongan Berasaskan Komuniti



Pulau Mantanani



Tentang

Pulau Mantanani

Lokasi

Pulau Mantanani, Sabah merupakan gugusan tiga pulau yang dinamakan Pulau Mantanani Besar, Pulau Mantanani Kecil dan Pulau Lingisan. Pulau Mantanani terletak di daerah Kota Belud Sabah dan sangat terkenal sebagai destinasi pelancongan luar dan dalam negara.

Sejarah

Pulau Mantanani pada suatu ketika dulu dikenali sebagai Pulau Janda kerana kebanyakkan wanita di pulau ini menjadi janda selepas golongan lelaki di bawa keluar daripada pulau oleh penjajah Jepun. Kemudian pulau ini mendapat nama baharu apabila ada pahlawan perempuan bernama Nani yang sentiasa memakai selimut (manta) ketika berjuang menentang penjajahan Jepun. Terdapat juga cerita lain yang menceritakan Nani menyembunyikan pulau ini daripada dijejaki oleh penjajah Jepun menggunakkan selimutnya. Selimut dalam bahasa Bajau Ubian ialah Manta, dan Mantanani adalah gabungan dua perkataan tersebut iaitu kisah lagenda Nani dan Manta (selimutnya).

Sosioekonomi

Terdapat sekurang-kurangnya 1000 penduduk yang tinggal di Pulau Mantanani dan majoritinya adalah daripada suku kaum Bajau Ubian yang beragama islam. Terdapat dua buah kampung di Pulau Mantanani Besar iaitu Kg Padang dan Kg Siring Bukit. Komuniti di pulau ini masih bergantung kepada sumber hasil laut dan pada masa yang sama bergiat dalam aktiviti pelancongan yang semakin berkembang di pulau ini. Majoriti komuniti masih bergantung kepada aktiviti perikanan seperti memukat, memancing, dan mengarang. Hasil-hasil ini selalunya dijual basah, dikeringkan, ataupun untuk sumber makanan harian keluarga. Ada juga penduduk yang bertani secara kecil-kecilan dan mengusahakan perniagaan sendiri seperti kedai runcit, warung, dan jualan kuih-muih.

Sumber Biologi


Keindahan dan kepelbagaian khazanah alam semula jadi menjadikan Pulau Mantanani ini sebagai satu destinasi strategik sebagai pusat pelancongan khususnya kepada pelancong yang datang daripada Kota Kinabalu. Disebabkan inilah, Pulau Mantanani mempunyai potensi dan ciri-ciri unik untuk dijadikan sebagai destinasi Ekopelancongan Berasaskan Komuniti. Booklet ini disediakan untuk memaparkan tarikan-tarikan alam semula jadi, tradisi dan kebudayaan, gaya hidup, dan produk komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani.

Tentang

Ekopelancongan Berasaskan Komuniti







© Foto oleh Jonathan (MRF)

01. KONSEP

Melalui Booklet ini, kita ingin mempromosikan ekopelancongan berasaskan komuniti kepada para pelancongan luar dan dalam negara untuk mendapat pengalaman unik dan berbeza ketika berada di Pulau Mantanani. Ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) ialah salah satu konsep pelancongan yang mampan yang pada masa yang sama dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk kampung atau tuan rumah di sesuatu destinasi pelancongan.

02. KEPENTINGAN

Konsep ini sangat penting kerana, aktiviti pelancongan di Pulau Mantanani didominasi oleh pengusaha pelancongan daripada luar yang memberikan manfaat yang sedikit kepada penduduk. Melalui ekopelancongan berasaskan komuniti ini, penduduk kampung dapat menawarkan lebih banyak pengalaman dan produk pelancongan.

03. EKOPELACONGAN BERASASKAN KOMUNITI MANTANANI

Usaha untuk memperkukuhkan Ekopelancongan Berasaskan Komuniti Ekopelancongan Berasaskan Komuniti di Pulau Mantanani oleh Reef Check Malaysia dan Homestays Mantanani yang dibiayai oleh GEF SGP UNDP Malaysia. Booklet ini adalah untuk rujukan pelancong dan pelawat yang berkunjung ke Pulau Mantanani.

Senarai Tarikan Ekopelancongan
Berasaskan Komuniti di

Mantanani



Homestays

Homestays Mantanani adalah satu produk inap desa yang diusahakan oleh Persatuan Pengusaha Homestays Pulau Mantanani dan diketuai oleh Pn Mainah Maulana. Terdapat 11 pengusaha homestay yang aktif yang bernaung di bawah kumpulan ini dan 10 buah homestay terletak di Kampung Padang manakala satu buah lagi terletak di Siring Bukit.

Homestay ataupun inap desa adalah salah satu program dibawah MOTAC yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pelancong tinggal bersama keluarga terpilih, berinteraksi dan merasai kehidupan harian keluarga homestay mereka serta mempelajari budaya dan gaya hidup masyarakat luar bandar di Malaysia.

Selain daripada menawarkan penginapan dan makan-minum bersama tuan rumah, homestays juga boleh menguruskan perjalanan aktiviti pelancong sepanjang menginap di Pulau Mantanani.

Setiap homestays mempunyai sekurang-kurang 3-5 bilik inap untuk pelancong yang dilengkapi kemudahan asas seperti tilam, selimut, kipas/penghawa dingin, dan lain-lain kemudahan asas.



Antara pengusaha homestays yang sedia ada termasuklah:


- Mainah Homestay
- Sofiah Homestay
- Arahni Homestay
- Rostinah Homestay
- Balmasiah Homestay
- Rina Homestay
- Tahir Homestay
- Himah Homestay
- Epah Homestay
- Muslinah Homestay
- Norsah Homestay



Hubungi saya di:

+60 14 - 874 6324


Mainah
Homestay



1



2



3

Hubungi saya di:

+60 11 - 148 40411

Arahni
Homestay





1



2



3



Hubungi saya di:

+60 11 - 252 33400

Himah
Homestay



1



2



3

Hubungi saya di:

+60 11 - 4059 9927

Rostinah
Homestay





1



2



3




Hubungi saya di:

+60 16 - 900 9047

Norsah
Homestay


1


2


3

Hubungi saya di:

+60 11 - 1622 6402

Rina
Homestay




1


2



3



Hubungi saya di:

+60 13 - 528 9318

Muslinah
Homestay





2



3

Hubungi saya di:

+60 16 - 666 4516

Tahir
Homestay





1



2



3



Hubungi saya di:

+60 13 - 409 0515

Sofiah
Homestay


1


2


3

Hubungi saya di:

+60 11 - 1411 6122

Bamasiah
Homestay




1


2


3



Hubungi saya di:

+60 11 - 1620 3862

Epah
Homestay


1


2


3

Hubungi kami

untuk merasai pengalaman
ekopelancongan berasaskan komuniti di

Pulau Mantanani


© Foto oleh Jonathan (MRF)

Boleh hubungi kami di:

cintaimantanani@gmail.com
homestaysmantanani@gmail.com

+60 13 - 305 8036

Aktiviti Memancing

Secara tradisi, komuniti di Pulau Mantanani terutamanya golongan nelayan lelaki akan keluar memancing sebagai sumber makanan atau pendapatan. Mereka memancing di sekitar Pulau Mantanani yang kaya dengan terumbu karang dan ikan-ikan yang pelbagai. Pengunjung juga boleh belajar bersama-sama nelayan untuk aktiviti memancing menggunakan mata kail, tangsi, pemberat, dan umpan untuk proses memancing. Melalui aktiviti ini, pengunjung dapat merasai sendiri kehidupan sebagai nelayan di pulau ini. Antara jenis ikan yang selalunya berjaya dipancing termasuklah ikan kerapu, ikan ayam-ayam, ikan bolong, dan banyak lagi.





Tarian Kebudayaan “Igal-Igal”

“Igal-Igal” adalah tarian tradisional suku kaum Bajau termasuklah komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani. Tarian ini kebiasaannya dipersembahkan pada majlis-majlis keramaian seperti majlis kahwin. Kini tarian ini juga dipersembahkan sebagai sembah tamu kepada pengunjung yang melawat ke Pulau Mantanani sama ada melalui program ataupun homestay. Tarian ini selalunya dilakukan secara bersendirian, berpasangan ataupun berkumpulan dan sepanjang penari menarikan tarian ini, komuniti yang menonton akan menyisipkan wang pada jari-jemari penari sebagai tanda hormat dan sagu hati. Selain daripada menonton persembahan para pengunjung juga berpeluang untuk mempelajari tarian ini bersama-sama penari.

Aktiviti Tradisional

Makanan Tempatan



Komuniti di Pulau Mantanani terkenal dengan masakan laut sebagai makanan tradisional mereka sebagai komuniti Bajau Ubian. Sinagol iaitu isi ikan yang dicincang atau dicarik-carikkan dan dimasak dengan ramuan rempah seperti kunyit. Makanan yang dihasilkan daripada ubi kayu seperti Putuh, Binamban atau Tompek. Okoh-Okoh atau ketupat nasi menggunakan kulit dan isi landak laut. Akhir sekali, Kilau atau juga dikenali sebagai Hinava di tempat lain dan banyak lagi.

Sukan Tempatan



Kebiasaanya remaja-remaja penduduk kampung Pulau Mantanani selalu bermain bola sepak atau bola tampar setiap petang Sehingga menjadi salah satu aktiviti tahunan di kampung ini setiap tahun pada hari kedua Hari Raya Aidilfitri akan ada pertandingan bola sempak.

Snorkeling



Terdapat 11 tempat yang menarik untuk aktiviti snorkeling di Pulau Mantanani. Antara yang menarik adalah membolehkan melihat terumbu karang yang cantik dan ikan yang jinak selain itu dapat melihat air yang sangat jernih.

Discover Scuba Diving

Pulau Mantanani tidak asing lagi dengan scuba diving kerana keindahan lautnya yang menjadi tarikan setiap pelancong.Terdapat 8 site diving yang ada di Pulau Mantanani antaranya police gate, sahara, sting ray, kolam dan sebagainya. Package scuba diving ini tidak asing lagi di mana-mana tempat penginapan di Pulau Mantanani.

Aktiviti Menyelam

Pulau Mantanani adalah tempat persinggahan penyu. Sekiranya para pelancong ingin melihat penyu dengan lebih dekat atau ingin mengambil gambar bersama penyu did dalam laut package leisure diving ini lah yang sangat sesuai.Walaupun kos nya agak mahal sedikit tetapi pengelaman yang kita perolehi sangat berbaloi.

Pensijilan Menyelam


Di Pulau Mantanani terdapat hanya ada satu orang peduduk tempatan yang mempunyai level instructor di mana kita boleh mengambil lesen diving dengannya.



Diving

























Birding

Di Pulau Mantanani terdapat 28 spesis burung. Pulau Mantanani juga menjadi tempat persinggahan burung-burung migrasi yang datang dari seluruh dunia terutamanya sewaktu musim dingin. Bilangan burung migrasi yang pernah direkodkan di Pulau Mantanani adalah tidak menentu. Rekod keseluruhan burung di Mantanani adalah melebihi 100 spesis. Namun begitu, ada beberapa spesis burung yang diketahui secara umum oleh warga Pulau Mantanani disebabkan oleh kekerapan burung ini dilihat disekitar pulau. Antara burung-burung tersebut termasuklah burung tambun, sejenis ayam hutan yang membina sarang menggunakan timbunan pasir dan bertelur di dalam timbunan tersebut sama seperti seekor penyu. Burung Simbang atau nama tempatannya iaitu linggisan, boleh dilihat berterbangan di udara Pulau Mantanani dalam kelompok puluhan hingga ribuan dalam satu masa. Sebuah pulau kecil yang membentuk gugusan Pulau Mantanani dinamakan Pulau Linggisan sempena burung tersebut kerana pulau itu dipercayai merupakan tempat burung itu tidur dan bersarang. Akhir sekali ialah burung hantu Mantanani. Namanya sahaja sudah menunjukkan yang burung ini adalah sejenis burung yang unik untuk Pulau Mantanani. Saiznya yang kecil sudah cukup untuk menarik perhatian penggemar-penggemar burung dari seluruh dunia.

Temui Pulau, Mendaki dan Penerokaan




Bukit

Mempunyai 3 bukit yang tinggi dan sangat sesuai untuk aktiviti hiking dan penggambaran kerana pemandangan dari atas bukit boleh memperlihatkan seluruh kawasan Pulau Mantanani.



Mantanani Kecil

Pulau yang tidak berpenghuni tetapi ia sangat popular di kalangan komuniti sebagai tempat berkelah dan mencadat sotong kerana mempunyai air yang tenang dan jauh dari ramai orang.



Pulau Lingisan

Dinamakan bersempena nama Burung 'Linggisan' yang tidur disana setiap malam. Pulau ini mempunyai bentuk seperti seekor penyu dan mempunyai gua sarang burung yang sangat besar.



Kalang-Kalang

Kalang-kalang adalah sesuatu kumpulan karang yang telah mati dan terkumpul secara sendirian disebabkan oleh faktor arus dan ombak yang membentuk seperti sebuah Pulau.



Matahari Benam/Terbit

Matahari benam/terbit juga adalah tarikan yang wajib dirakamkan oleh para pelancong khususnya pada senja kerana pulau ini terkenal dengan mempunyai senja yang cantik di negeri Sabah.



Lawatan Kampung

Terdapat 2 kampung di Pulau Mantanani iaitu Kampung Padang dan Siring Bukit. Mengambil masa dalam 20 minit sekiranya berjalan kaki dan 7-8 minit sekiranya menggunakan motorsikal.

Kraftangan Tempatan



Gelang Tangan

Gelang tangan yang dibuat di Pulau Mantanani ini menggunakan benang-benang dan huruf-huruf yang di beli dari kedai dan membuat mengikut kreativiti sendiri serta boleh juga di buat mengikut kehendak pelanggan seperti membuat nama mereka di gelang tersebut.



Makanan Tradisional

Kuih tahai adalah kuih tradisional bajau ubian yang diperbuat daripada kelapa Tua atau kelapa separuh tua yang sudah di parut dan dicampurkan dengan tepung, yis penaik dan gula kisar ia diadun sehingga sebati dan di biarkan dalam 15-30 minit sebelum di bentuk untuk di bakar antara bentuk-bentuk kuih tahai yang popular dibuat oleh komuniti adalah bentuk separah bulan, bulan penuh dan lingkaran ubat nyamuk.



Minyak Kelapa Dara

Minyak kelapa dara adalah minyak yang diproses dengan menggunakan kelapa tua dengan cara memproses dan menggunakan cara tradisional iaitu menggunakan tangan. Cara memperoses minyak kelapa dara adalah dengan memarut kelapa tua untuk mendapatkan santan dengan membiarkan santan letakkan ditempat yang lembap semalaman sebelum di tapis untuk mendapatkan minyak.



Pelembab Bibir

Pelembab bibir dikeluarkan oleh peserta minyak kelapa dara hasil daripada latihan bersama dengan tenaga pengajar Michelle. Beberapa jenis dan warna yang telah berjaya dibuat oleh pihak komuniti Kampung Pulau Mantanani dan dijual, juga mendapat banyak sambutan daripada pembeli dari luar.



Dompet Eko

Eco Purse ini diperbuat daripada sampah plastik mereka akan memotong plastik-plastik tersebut menjadi segi empat mengikut ukuran yang mereka ada selepas itu, komuniti menggunakan kreativiti mereka sendiri untuk menghasilkan eco purse yang bercorak dan menarik untuk dijual.



T-Shirt

Proses membuat kayu boleh dibuat dari segi sederhana hingga rumit. Ini kerana, tidak seperti dengan seni plastik lain seperti lukisan atau lukisan, semua jenis ukiran (seperti kayu, litografi - yang dilakukan pada batu atau linografi) dilaksanakan di atas plat linoleum mempunyai dua fasa kerja



Sabun

Pembuatan sabun yang dibuat dengan minyak kelapa asli dicampurkan dengan berbagai warna menjadikan sabun keluaran tempatan mendapat sambutan yang besar daripada orang tempatan dan luar.



Magnet Peti Sejuk

Diperbuat daripada Plastik HDPE dan PPE yang sudah di kisar menjadi halus dan di masukkan kedalam mesin untuk dipanas dan dibentuk menggunakan moulder yang sudah di pasang magnet. Haruslah di panaskan sekurang-kurang 4 minit 78 saat.

Kafe Tempatan

AZU CORNER

Adalah warung yang menjual makanan seperti rojak, sup (soto) dan juga mee goreng. Kebanyakan pembeli adalah penduduk dan juga pekerja pusat pelancongan warung azu corner juga menyediakan penghantaran ke rumah dan kawasan tempat bekerja tanpa caj penghantaran.



GORENG PISANG GPC

GPC adalah tempat untuk bersantai yang popular di Pulau Mantanani mereka menjual goreng pisang rangup, lekor dan sup serta minuman-minuman sejuk.Tempat ini selalu menjadi tumpuan tempat lepak-lepak orang kampung pada waktu petang.





WARUNG TOK WAN

Warung ini terkenal dikalangan penduduk kampung menjual aiskrim cone seperti di bandar ia diusahakan oleh salah seorang pengusaha homestay Pulau Mantanani.



COCONUT SHOP (ARAHNI)

Terkenal dengan menjual air kelapa sejuk yang segar serta jus-jus serbuk.

Kedai Runcit Tempatan



Sebanyak 9 kedai runcit di kawasan Pulau Mantanani yang terdiri daripada 6 kedai di Kampung Padang dan 3 di Kampung Siring Bukit. Kebanyakan kedai runcit disini menjual bahan makanan sahaja dan keperluan asas seperti tong gas, minyak petrol dan barang-barang memancing.



Aktiviti Pemuliharaan



PEMULIHAN KARANG

Menanam batu karang adalah salah satu aktiviti yang menarik untuk dilakukan di Pulau Mantanani hal ini akan menjadi salah satu pengalaman yang menarik. Aktiviti ini dikendalikan oleh Reef Check Malaysia bersama-sama belia di Pulau Mantanani.



KITAR SEMULA PLASTIK

Kitar Semula Plastik yang dijalankan oleh Reef Check Malaysia Bertujuan untuk mengurangkan plastik botol dan sampah. Botol akan dikempiskan dengan menggunakan mesin sebelum dihantar ke tanah besar.




PEMANTAUAN TERUMBU KARANG

Pemantauan Terumbu Karang atau dikenali sebagai Reef Check Survey merupakan salah satu aktiviti pemantauan tahunan yang dikendalikan oleh Reef Check Malaysia. Untuk menyertai pemantauan ini, penyelam perlu menjalani latihan yang dikenali sebagai Eco-Diver sebelum terlibat dalam aktiviti ini.



















Penghasilan booklet ini adalah di bawah Program Pemerkasaan Eko-Pelancongan Berasakan Komuniti yang ditaja oleh GEF SGP UNDP Malaysia dan dilaksanakan oleh Reef Check Malaysia melalui program Cintai Mantanani

gef SGP The GEF Small Grants Programme UNDP

Reef Check MALAYSIA

Cintai Mantanani

PERSATUAN PENGUSAHA HOMESTAY MANTANANI